





Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKPP IS 127/438/4/KLT 1-2016/0079  
Tarikh : 29 April 2016

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)  
Tingkat 19, Menara PERKESO,  
281, Jalan Ampang,  
50538, Kuala Lumpur.

Tuan,



### PEMBERITAHUAN MENJALANKAN PROGRAM YANG DIBERI MATA CEP

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan), 1997 saya dengan ini bersetuju untuk mengiktirafkan program sepertimana yang disenaraikan di bawah sebagai 'Program Pendidikan Berterusan' bagi maksud untuk memperbaharui pendaftaran Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan.

Tajuk : "International Forum on Disability Management (IFDM) 2016"

Tarikh : 22 - 24 November 2016

Tempat : Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

No. Rujukan : JKPP IS 127/438/4/KLT 1-2016/0079

Jumlah Mata : 15 mata

3. Dimaklumkan dengan ini tuan adalah dibenarkan menjalankan kursus yang tersebut di atas dengan syarat berikut:

- Program yang akan dianjurkan mestilah mengikut modul dan tenaga pengajar yang telah dikemukakan, disemak dan telah diluluskan oleh Jabatan ini.
- Senarai lengkap nama dan no. kad pengenalan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang berdaftar yang menghadiri kursus ini sahaja hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk perhatian Pn. Hanis Farzana Binti Mohd Sadek dalam tempoh 3 minggu selepas program selesai dijalankan.
- Jabatan ini akan menghantar dua (2) orang pegawai untuk menghadiri program ini bagi tujuan pemantauan kandungan kursus.


iv. Pihak tuan dikehendaki mempamerkan **no. rujukan dan jumlah mata** pada sudut kiri sebelah bawah sijil kehadiran yang akan dikeluarkan.

4. Kelulusan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa tanpa diberi sebarang sebab oleh **Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia** sekiranya syarat-syarat di atas dan syarat-syarat lain Jabatan ini tidak dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' IR. MOHTAR BIN MUSRI)

Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Malaysia

s.k 1. JKKP IS 127/438/4/KLT 1-2016/0079

2. Fail timbul